

FAKULTI Sains dan Teknologi (FST) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menganjurkan Seminar Makanan Halal 2009 (HaFoS'09) di Dewan Kuliah Tiga Usim, baru-baru ini.

Ia bertujuan memberi ruang serta peluang kepada pelajar dan pihak industri untuk memahami, sekali gus mengetahui perkembangan penggunaan serta penghasilan produk halal terkini.

Seminar yang masuk tahun ketiga itu anjuran Usim dengan kerjasama Biro Korporat Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM).

Selain membuka peluang kepada pelajar dan industri, seminar itu bagi meningkatkan kesedaran

Usim kelola HaFoS'09 pupuk kesedaran

berkaitan hak kepenggunaan dan kepentingan makanan halal di kalangan masyarakat Islam khususnya.

Seminar selama tiga hari itu membentangkan lebih 15 kertas kerja, antaranya Halal From Business Jihad Perspective.

HaFoS'09 ini turut mengadakan forum bertajuk Role of Various Institutions in Malaysia on Halal Issues.

Ahli panel bagi forum itu terdiri daripada wakil Kementerian Kesihatan Malaysia, pensyarah

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Datuk Dr Ma'amor Osman.

Di samping itu, tahun ini seramai 30 penyertaan daripada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), pengusaha industri makanan, agensi kerajaan dan swasta menyertai pameran.

Antara yang terabit ialah KFC Holdings, Institut Kemahiran dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi), Jabatan Pertanian, Takaful dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Sempena seminar itu, pelbagai aktiviti lain diadakan di tapak pameran antaranya pemeriksaan kesihatan dan BMI oleh Pusat Kesihatan Usim, mempelajari resipi diet sihat yang dikendalikan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seminar itu dirasmikan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Sembilan, Datuk Razak Mansor.

Turut hadir, Naib Presiden DPIM merangkap Pengerusi Biro Korporat DPIM, Tan Sri Datuk Muhamad Ali Hashim.



RASMI...Razak menandatangani plak sebagai simbolik perasmian seminar.